

**NO. SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI  
MOHD. YASSIN [ PAGOH ]**

**TARIKH : 15 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10586**

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status permohonan kelulusan bagi perlembagaan Pakatan Harapan dan logo/symbolnya. Berikan sebab musabab terperinci atas permohonan ini masih tidak diluluskan sehingga sekarang.

131

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Permohonan pendaftaran Pakatan Harapan masih dalam pertimbangan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) kerana siasatan sedang dijalankan terhadap pelbagai aduan yang diterima berhubung Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM). Selain itu, JPPM juga sedang meneliti laporan yang telah dikemukakan PPBM bagi memastikan Perhimpunan Agung yang diadakan pada 30 Disember 2017 dilaksanakan selaras dengan perlembagaan parti tersebut.**